



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"PERANAN MAHKAMAH MENEGAKKAN KEADILAN"

19 Mac 2021 / 5 Syaaban 1442

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ
إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

(Surah An-Nisa' ayat 58)²

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ³ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁴ أَوْصِيكُمْ وَآيَاتِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah Nya, dan menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan hidup kita diberkati Allah, di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “Peranan Mahkamah Menegakkan Keadilan”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Keadilan menurut kaca mata Islam memberi pengertian luas lagi mendalam. Setiap orang dituntut untuk menegakkan keadilan di muka bumi ini. Berlaku adil ditekankan dalam Al-Quran, disebut sebanyak 28 kali, mencakupi urusan kehidupan, hari kebangkitan, kenabian dan kepimpinan. Perkataan yang hampir maksud dengan adil disebut dalam Al-Quran dengan perkataan *Al-Qist* (القسط), *Al-Mizan* (الميزان) seperti mana firman Allah dalam **surah An-Nisa' ayat 135**:

¹ Memuji Allah

² Ayat Al-Quran

³ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁴ Pesan Taqwa



يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ بِالْقِسْطِ شُهَدَاءَ لِلَّهِ وَلَوْ عَلَىٰ أَنفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِن يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَّبِعُوا الْهَوَىٰ أَن تَعْدِلُوا وَإِن تَلَوُّا أَوْ تَعْرِضُوا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaulah orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa), kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng daripada keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.

Dalam urusan pemerintahan dan kepimpinan, bersikap adil ialah satu kewajipan. Dalam sesebuah negara tanggungjawab melaksanakan keadilan terletak di bahu ketua, sama ada raja, pemimpin dan juga hakim.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Mahkamah merupakan sebahagian daripada cabang kerajaan. Mahkamah berperanan utama untuk menegakkan keadilan dan mencegah daripada berlakunya kezaliman.

Imam Al-Mawardi dalam kitabnya *Al-Ahkam As-Sultaniyah* (الأحكام السلطانية) menyenaraikan sepuluh peranan dan bidang kuasa mahkamah dalam memenuhi tanggungjawab melaksanakan keadilan:

Pertama: Memutuskan perbalahan sama ada berdamai dengan kerelaan atau dengan paksaan apabila dirasakan perkara itu patut dilakukan.

Kedua: Mengembalikan hak kepada yang berhak, berdasarkan keterangan dan pengakuan.

Ketiga: Mentadbir harta bagi orang yang tidak layak mentadbir hartanya sendiri seperti anak yatim, kanak-kanak, orang gila dan orang yang berhalangan mentadbir hartanya.

Keempat: Mengawasi harta wakaf.



Kelima: Melaksanakan hukum wasiat orang yang diwasiatkan berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan pewaris selagi tidak bercanggah dengan syarak.

Keenam: Menikahkan mana-mana perempuan yang tidak mempunyai wali.

Ketujuh: Menjatuhkan hukuman jenayah bagi memelihara ketenteraman dan hak Allah.

Kelapan: Menghapuskan kemungkar dan mencegah kemaksiatan.

Kesembilan: Memilih, mengawasi dan menentukan orang yang layak memberi kesaksian mengikut syarat-syarat ditetapkan hukum syarak.

Kesepuluh: Menghukum dengan sama rata antara golongan kuat dan lemah serta berlaku adil dalam menghukum di antara yang kaya dan miskin.

Selain itu, mahkamah juga berperanan melakukan semak dan imbang ke atas keputusan atau tindakan yang dilaksanakan oleh badan-badan lain. Kebebasan sebuah badan kehakiman merupakan satu tuntutan yang disebut oleh para ulama sebagai '*Istiqlal Al-Qadhi*', bertujuan memastikan keadilan serta integriti sentiasa terpelihara tanpa campur tangan mana-mana pihak dalam sistem atau perjalanan kes-kes yang dibicarakan di mahkamah.

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Memahami pentingnya prinsip keadilan senantiasanya dilindungi dan dijamin dalam sistem kehakiman, ketika pembukaan Dewan Negeri Ke Empat Belas, pada 6 Ogos 2018, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak telah menzahirkan titah agar satu lagi Mahkamah Rayuan diwujudkan di atas Mahkamah Rayuan yang sedia ada, untuk membolehkan kes-kes yang bermula pendengaran di Mahkamah Tinggi Syariah mempunyai peluang mengemukakan dua kali rayuan sebagaimana peluang merayu yang diberikan kepada kes-kes yang bermula pendengaran di Mahkamah Rendah Syariah. Alhamdulillah pada 5 Disember 2018, Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan telah meluluskan pindaan Enakmen Pentadbiran dan Enakmen Mahkamah Syariah, membolehkan penubuhan Mahkamah Utama Syariah. Pada 16 Julai 2020, Mahkamah Utama Syariah telah memulakan sidang pertamanya dan memberikan penghakiman pertamanya pada 24 Februari 2021 yang lalu.

Konsep rayuan telah lama wujud dalam Islam, diperlihatkan melalui firman Allah SWT dalam **surah Sod ayat 20-27** berkaitan keputusan penghakiman yang dibuat oleh Nabi Daud AS yang menerangkan tentang kemungkinan berlakunya kesilapan atau kesalahan dalam memutuskan sesuatu hukuman.



Rayuan perbicaraan telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW: yang boleh dipelajari daripada kes yang dibicarakan ketika Sayidina Ali RA menjadi Gabenor Yaman. Keputusan yang dibuat oleh Sayidina 'Ali RA terhadap pihak yang bertelingkah tidak memberi kepuasan kepada kedua-dua pihak. Oleh yang demikian Sayidina 'Ali menasihatkan mereka supaya menyampaikan ketidakpuasan terhadap keputusan tersebut kepada Rasulullah SAW, sebagaimana katanya: "Saya akan memutuskan perselisihan antara kamu sekiranya kamu reda, maka itulah keputusan saya. Jika tidak, hendaklah kamu bekukan dahulu, jangan membuat apa-apa tindakan sehingga Rasulullah SAW datang memberi keputusan kepada kamu." Mendengar hal itu, kedua-dua pihak yang bertelingkah menemui Rasulullah SAW menceritakan kes mereka. Setelah mendengar rayuan mereka, Baginda SAW merumuskan bahawa keputusan yang diputuskan oleh Sayidina 'Ali RA adalah benar dan disahkan. Sayidina 'Ali RA merupakan orang pertama yang membuat garis panduan dan peringatan kepada hakim-hakim supaya membuat penyemakan semula terhadap kes-kes yang didapati ada berlakunya kesilapan.

Antara kandungan risalah Khalifah 'Umar RA yang diutus kepada Qadi Abi Musa al-Ash'ari RA, berbunyi: "Janganlah sesuatu menghalang keputusan (kehakiman) kamu setelah kamu memutuskannya pada had ini, maka hendaklah kamu mengulang kaji kesemuanya mengikut ijtihad kamu. Itu akan memberi hidayah kepada mu sekiranya kamu mengulang kaji untuk mencari kebenaran. Bermakna mengulang kaji sesuatu kebenaran itu lebih baik daripada terus berada dalam kebatilan.

Kesimpulannya, mahkamah mempunyai peranan yang amat besar untuk menyedia dan melaksanakan perkhidmatan secara adil, cekap dan berkesan berlandaskan undang-undang. Pada masa yang sama, semua pihak perlu memenuhi peranan menurut bidang kuasa yang ditetapkan agar matlamat keadilan dapat tercapai. Kemuliaan mahkamah wajib dijaga dan jangan sama sekali dipersendakan. Mahkamah hendaklah senantiasa menjadi tempat untuk mencari kebenaran dan mengabsahkan kebenaran. Sesungguhnya tanggungjawab melaksanakan keadilan amat berat, Rasulullah SAW memberikan peringatan:

مَنْ وَلِيَ الْقَضَاءَ فَقَدْ ذُبِحَ بِغَيْرِ سِكِّينٍ.

Maksudnya: Barangsiapa yang menjadi Qadhi/Hakim, maka sebenarnya dia telah disembelih tanpa pisau.
(Riwayat Abu Daud 3571)



Namun, jika penghakiman seorang hakim itu menepati keadilan dan sumber hukum syarak, Allah SWT menganugerahinya ganjaran atas usaha ijtihadnya, sebagaimana hadis Nabi SAW:

إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَصَابَ، فَلَهُ أَجْرَانِ، وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ ثُمَّ أَخْطَأَ، فَلَهُ أَجْرٌ.

Maksudnya: Jika seorang hakim memutuskan sesuatu hukuman dengan ijtihadnya dan nyata benar, maka ia mendapat dua pahala. Dan jika seorang hakim memutuskan sesuatu hukuman dengan ijtihadnya lantas ia salah. Baginya satu pahala. (Riwayat Al-Bukhari 7352)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁵ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁶ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁷ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, hingga ke hari ini. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁸

⁵ Memuji Allah

⁶ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁷ Pesan Taqwa

⁸ Ayat Al-Quran



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁹، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبَتُّهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ، وَالْوَبَاءَ، خُصُوصًا وَيْرُوسَ الْكُورُونَا، وَالْغَلَاءَ، وَالْمِحْنَ، وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، عَن بِلَادِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً.

Ya Allah, berkatilah hamba-hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat dan menghulurkan wakaf, kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka. Jauhkanlah golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran serta lindungilah mereka daripada kefakiran yang berpanjangan.

Ya Allah, berilah kami kebaikan serta keberkatan di dunia dan di akhirat. Peliharalah kami daripada seksa dan azab api neraka.

Ya Allah, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu ke atas Raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah al-Maghfur-lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

⁹ Doa untuk Kaum Muslimin